



جَانِبِ مَفِيتِي كَرِي سِلَاغُو

ملنق

سلطان شرف الدين امر بن شاه الحاج

MULTAQA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ

TAHUN 2024

KERTAS KERJA

SEJARAH ILMU TASAWUF SERTA AMALAN TASAWUF DI
ALAM MELAYU DAN SELANGOR DARUL EHSAN

25 NOVEMBER 2024

23 JUMADAL ULA 1446H

AUDITORIUM, DEWAN JUBLI PERAK SULTAN ABDUL AZIZ,
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Sejarah Ilmu Tasawuf serta Amalan Tasawuf di Alam Melayu dan Selangor Darul Ehsan

1. Pengenalan Tasawuf

1.1 Definisi Tasawuf

Tasawuf menurut Dewan Bahasa dan Pustaka adalah ajaran iaitu jalan atau usaha untuk mengenal Tuhan dengan benar-benar dan mendekatkan diri dengan Tuhan. Tasawuf juga disebut sebagai ilmu suluk dan ilmu tarekat.¹ Manakala, asal-usul perkataan tasawuf dipercayai berasal daripada bahasa Arab.

Para ulama berbeza pandangan dalam membahaskan asal-usul perkataan tasawuf. Sebahagiannya mendakwa bahawa tasawuf tidak mempunyai asal kaedah daripada bahasa Arab. Ada sebahagian mendakwa ia berasal daripada perkataan "الصَّفْو" (*al-safw*) dan "الصَّفَاء" (*al-safa'*) yang bermaksud kesucian atau kemurnian. Ada juga mendakwa ia berasal daripada perkataan "الصَّف" (*al-saf*) kerana menganggap golongan sufi berada di barisan pertama di hadapan Allah SWT. Ada juga yang berpandangan perkataan tasawuf dinisbahkan kepada أَهْلُ الصُّفَّةِ (*ahl al-suffah*). *Ahl al-suffah* adalah sekumpulan golongan fakir daripada kalangan Muhajirin dan Ansar yang tinggal di suatu tempat di bahagian belakang Masjid Nabawi. Mereka ini terkenal dengan amalan ibadah mereka. Pendapat lain pula menyatakan tasawuf berasal daripada perkataan "الصُّوف" (*al-suf*) iaitu kain bulu (*wool*).²

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses daripada: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tasawuf>

² Abu al-Wafā al-Ghanamī. *Madkhal Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī*. (Mesir: Dār al-Thaqāfah, t.t.) 21.

Pendapat yang lebih tepat adalah perkataan tasawuf tersebut berasal daripada perkataan "الصُّوف" (*al-suf*) iaitu kain bulu (*wool*). Ramai dalam kalangan sufi yang cenderung kepada pandangan ini termasuk al-Sarraḡ al-Tusi, Ibn Khaldun dan beberapa tokoh lain.³ Ini kerana, golongan sufi terdahulu hanya memakai kain bulu (الصُّوف) yang menunjukkan kezuhudan mereka dan jauhnya mereka dari kemewahan hidup dunia.⁴

Begitu juga maksud tasawuf pada istilah. Para ulama berbeza pandangan dalam menetapkan definisi tasawuf. Perbezaan pandangan ini tidak menunjukkan ada pandangan yang betul dan salah. Akan tetapi, perbezaan ini pada sudut variasi dan kepelbagaian dalam penggunaan kalimat-kalimat, ucapan-ucapan dan penggunaan ungkapan-ungkapan serta pemilihan lafaz-lafaz berkaitan tasawuf.⁵

Menurut Abu al-Qasim al-Qusyairi, tasawuf adalah:

الصَّفَاءُ مَحْمُودٌ بِكُلِّ لِسَانٍ وَضِدُّهُ الْكُذُورَةُ وَهِيَ مَذْمُومَةٌ

*Maksudnya: Kemurnian yang terpuji pada setiap lisan dan lawannya adalah kekeruhan iaitu sesuatu yang tercela.*⁶

Kata Ma'ruf al-Karkhi:

التَّصَوُّفُ الْأَخْذُ بِالْحَقَائِقِ وَالْيَأْسُ مِمَّا فِي أَيْدِي الْخَلَائِقِ

*Maksudnya: Tasawuf adalah berpegang kepada kebenaran serta berpaling daripada apa yang dimiliki oleh makhluk.*⁷

³ Abu al-Wafā al-Ghanamī. Madkhal Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī. 21.

⁴ Sulaiman Ibrahim. Al-Ṭuruq al-Ṣūfiyyah Fī Mālīziyā. (Malaysia: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2002) 89.

⁵ Sulaiman Ibrahim. Al-Ṭuruq al-Ṣūfiyyah Fī Mālīziyā. 90.

⁶ Al-Qushayrī, 'Abdul Karīm Abū al-Qāsim. Al-Risālah al-Qushayriyyah. (Mesir: Dār al-Shu'ab, 1989), ms. 464.

⁷ Al-Qushayrī. Al-Risālah al-Qushayriyyah. 466.

Kata al-Junaid al-Baghdadi:

التَّصَوُّفُ ذِكْرٌ مَعَ اجْتِمَاعٍ وَوَجْدٌ مَعَ اسْتِمَاعٍ وَعَمَلٌ مَعَ اتِّبَاعٍ

Maksudnya: Tasawuf adalah ingat (kepada Allah SWT) semasa di dalam perhimpunan orang ramai, menghayati melalui pendengaran (pengajian agama), beramal dengan mengikuti (syariat).⁸

Kata Abdul Qadir al-Jilani:

الصُّوفِي مَنْ كَانَ صَافِيًا مِنْ آفَاتِ النَّفْسِ، خَالِيًا مِنْ مَذْمُومَاتِهَا سَالِكًا لِحَمِيدِ
مَذَاهِبِهِ مُلَازِمًا لِلْحَقَائِقِ غَيْرَ سَاكِنٍ بِقَلْبِهِ إِلَى أَحَدٍ مِنَ الْخَلَائِقِ

Maksudnya: Sufi adalah sesiapa yang suci daripada keburukan jiwa, bebas daripada sifat-sifat yang tercela, mencari sesuatu yang mulia dalam perjalanannya, melazimi kebenaran tanpa hatinya berpaut kepada mana-mana makhluk.⁹

Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan, jelas kelihatan tasawuf adalah berkaitan penyucian hati serta mengosongkan diri daripada sifat-sifat tercela. Tasawuf membentuk seseorang sebagai sufi yang mempunyai akhlak yang mulia dan mencari kebenaran. Hal ini juga bertepatan dengan definisi tasawuf yang dikemukakan oleh Abu al-Wafa katanya:

فَلَسَفَةُ حَيَاةٍ وَطَرِيقَةُ مُعَيَّنَةٍ فِي السُّلُوكِ يَتَّخِذُهُمَا الْإِنْسَانُ لِتَحْقِيقِ كَمَالِهِ الْأَخْلَاقِي
وَعِرْفَانِهِ بِالْحَقِيقَةِ وَسَعَادَتِهِ الرُّوحِيَّةِ

⁸ Al-Qushayrī. Al-Risālah al-Qushayriyyah. 466.

⁹ Al-Jīlānī, ‘Abdul Qādir bin Mūsā. Al-Ghanī Liṭālibī Ṭarīq al-Ḥaq ‘Azza Wajalla. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997) jil. 2, ms. 272.

*Maksudnya: Falsafah hidup dan suatu cara tertentu dalam tingkah laku, yang diambil oleh seseorang untuk mencapai kesempurnaan akhlak, mengenal kebenaran serta mendapatkan kebahagiaan rohani.*¹⁰

1.2 Pensyariatan Tasawuf

Sandaran atau sumber utama bagi tasawuf adalah syarak. Hal ini kerana, tasawuf sendiri diambil daripada al-Quran, sunnah dan juga *ahwal* (keadaan) para Sahabat. Kata Abu al-Wafa dalam *Madkhal Ilā al-Tasawwuf al-Islami*:

فَمِنَ الطَّبِيعِيِّ أَنْ يَكُونَ مَصْدَرُهُ الْأَوَّلُ إِسْلَامِيًّا فَقَدْ اسْتَمَدَ مِنَ الْقُرْآنِ وَالسُّنَّةِ وَمِنْ
أَحْوَالِ الصَّحَابَةِ وَأَقْوَالِهِمْ عَلَى أَنَّ أَحْوَالَ الصَّحَابَةِ وَأَقْوَالَهُمْ لَمْ تَكُنْ لِيَخْرُجَ عَنْ نِطَاقِ
الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ وَبِذَا يَكُونُ الْمَصْدَرَانِ الْأَسَاسِيَانِ لِلتَّصَوُّفِ فِي الْحَقِيقَةِ هُمَا الْقُرْآنُ
وَالسُّنَّةُ

*Maksudnya: Secara asasnya, sumber utamanya adalah berasaskan Islam. Ia diambil daripada al-Quran, sunnah dan ahwal (keadaan) para Sahabat serta ucapan-ucapannya kerana keadaan dan ucapan-ucapan para sahabat tidak akan pernah keluar daripada batasan al-Quran dan sunnah. Oleh itu, sumber asas tasawuf pada asalnya adalah al-Quran dan sunnah.*¹¹

Oleh itu, dapat juga difahami bahawa pensyariatan tasawuf juga berdasarkan kepada al-Quran dan sunnah. Seperti yang sedia maklum, tasawuf merujuk kepada sebuah proses atau pengamalan untuk penyucian hati, pemurnian akhlak dan jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Walaupun istilah "tasawuf" tidak disebut secara langsung dalam al-Quran mahupun hadis, namun prinsip-prinsipnya

¹⁰ Abu al-Wafā al-Ghanamī. Madkhal Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī. 10.

¹¹ Abu al-Wafā al-Ghanamī. Madkhal Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī. 10.

berakar daripada sumber utama Islam ini. Hal ini seperti pada firman Allah SWT dalam Surah al-Syams ayat 9 dan 10:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا

Maksudnya: Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya (yang sedia bersih) bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu, susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'la ayat 14:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى

Maksudnya: Sesungguhnya berjayalah orang yang (setelah menerima peringatan itu) berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh).

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am ayat 162 dan 163:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ, لَا شَرِيكَ لَهُ ۚ وَبِذَلِكَ
أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu baginya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama (yang bersekerah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya).

Di samping itu, terdapat juga beberapa hadis yang menunjukkan tentang pensyariatatan tasawuf. Antaranya seperti sebuah hadis yang

sangat masyhur berkaitan iman, Islam dan ihsan. Hadis yang diriwayatkan daripada Umar RA, telah bertanya Jibril kepada Baginda SAW:

فَأَخْبَرَنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: Maka beritahu kepadaku tentang ihsan. Jawab Baginda SAW: Ihsan itu adalah apabila kamu beribadah kepada Allah SWT seolah-olah kamu dapat melihatNya. Jika kamu tidak dapat melihatNya, maka ketahuilah Dia melihat kamu.

(Riwayat Muslim)¹²

Hadis yang diriwayatkan daripada Nu'man bin Basyir RA, Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ
أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: Ketahuilah, dalam jasad ada segumpal daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh jasad, dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah, ia adalah hati.

(Riwayat al-Bukhari)¹³

Hadis yang diriwayatkan daripada Fudhalah bin 'Ubaid RA, sabda Rasulullah SAW:

الْمُجَاهِدُ مَنْ جَاهَدَ نَفْسَهُ

Maksudnya: Mujahid adalah orang yang berjuang melawan nafsunya.

(Riwayat al-Tirmizi)¹⁴

¹² Muslim bin al-Hajjāj. Ṣaḥīḥ Muslim. (Mesir: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī, 1955) no.hadis:1.

¹³ Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. (Mesir: Sulṭāniyah, 1893) no.hadis: 52.

¹⁴ Al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Īsā. Sunan al-Tirmidhī. (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975) no.hadis: 1621.

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran serta hadis-hadis yang telah dinyatakan, jelas bahawa prinsip-prinsip tasawuf banyak disebut dan diterangkan dalam nas-nas syarak. Berdasarkan nas-nas ini, tasawuf itu adalah penyucian hati, mujahadah jiwa, mentauhidkan Allah SWT sehingga menuju darjat taqwa. Berdasarkan nas-nas ini juga, tasawuf turut disebut sebagai *tazkiyyah*, *mujahadah*, *ihsan* dan *taqwa*.

Bukan itu sahaja, nas-nas ini menunjukkan bahawa tasawuf itu berdiri atas usul yang sahih. Mereka yang digelar sufi mestilah berpegang dengan iktikad yang selamat lagi sahih. Usul tasawuf adalah tauhid kepada Allah Yang Maha Esa. Berpegang dengan metodologi Ahli Sunah Waljamaah. Kata Abu al-Qasim al-Qusyairi:

أَنَّ شُيُوخَ هَذِهِ الطَّائِفَةِ بَنَوْا قَوَاعِدَ أَمْرِهِمْ عَلَى أَصُولٍ صَحِيحَةٍ فِي التَّوْحِيدِ صَانُوا بِهَا
عَقَائِدَهُمْ عَنِ الْبِدْعِ وَدَانُوا بِمَا وَجَدُوا عَلَيْهِ السَّلَفُ وَأَهْلُ السُّنَّةِ مِنْ تَوْحِيدٍ لَيْسَ فِيهِ
تَمْثِيلٌ وَلَا تَعْطِيلٌ وَعَرَفُوا مَا هُوَ حَقُّ الْقَدَمِ وَتَحَقَّقُوا بِمَا هُوَ نَعْتُ الْمَوْجُودِ عَنِ الْعَدَمِ
وَلِذَلِكَ قَالَ سَيِّدُ هَذِهِ الطَّرِيقَةِ الْجُنَيْدُ رَحِمَهُ اللَّهُ: التَّوْحِيدُ إِفْرَادُ الْقَدَمِ مِنْ الْحَدَثِ
وَأَحْكُمُوا أَصُولَ الْعَقَائِدِ بِوَاضِحِ الدَّلَائِلِ وَلَا تَحِ الشَّوَاهِدِ

Maksudnya: Sesungguhnya guru-guru kumpulan (tasawuf) telah membina kaedah-kaedah yang berasaskan usul tauhid yang sahih, yang memelihara akidah-akidah mereka daripada bid'ah. Mereka menyeru kepada apa yang telah dibawa oleh para salaf dan Ahli Sunah Waljamaah dalam mentauhidkan Allah SWT yang tiada sesuatu serupa dengannya serta memperkenalkan apa yang layak bagi Tuhan Sedia Ada. Mereka menetapkan bahawa Allah SWT bersifat wujud berbanding tiada. Oleh itu, telah berkata al-Junaid al-Baghdadi, pemimpin tarekat ini: Tauhid adalah mengkhususkan bahawa Allah SWT bersifat sedia ada berbanding berlaku perubahan.

*Berhukum dengan usul akidah dengan dalil-dalil yang jelas dan bukti-bukti yang nyata.*¹⁵

1.3. Tujuan Tasawuf

Imam Al-Junaid berpendapat bahawa matlamat akhir tasawuf adalah bersatunya rahsia jiwa dengan Allah SWT dan hal ini tidak dapat dicapai melainkan dengan menghilangkan segala yang menghalang diri daripada bersama Allah SWT. Keadaan ini tidak akan tercapai dengan hanya kata-kata atau perbincangan melainkan dengan meninggalkan hawa nafsu dan memutuskan kebiasaan-kebiasaan duniawi.¹⁶

Sesungguhnya matlamat tertinggi dari jalan sufi adalah satu iaitu pencapaian akhlak yang luhur yang merangkumi penafian diri, kejujuran dalam kata dan perbuatan, kesabaran, ketundukan, kasih kepada orang lain, tawakal dan pelbagai lagi sifat mulia yang dianjurkan oleh Islam.¹⁷

2. Sejarah Amalan Tasawuf di Alam Melayu

Pada mulanya, budaya masyarakat di Alam Melayu yang dipengaruhi oleh budaya mitologis yang kuat boleh mengakibatkan timbulnya konflik oleh kerana perubahan daripada budaya lama tersebut kepada sesuatu yang bersifat keagamaan. Daripada segi politik dan sosial, wilayah ini dikuasai oleh Sriwijaya yang menganggap Hindu sebagai agama rasmi. Peralihan daripada Hindu ke Islam bererti melemahkan kekuatan Sriwijaya di satu sudut, dan mengubah secara menyeluruh struktur masyarakat yang sudah lama terbentuk.¹⁸

Kedatangan Islam di Alam Melayu telah mewujudkan perubahan yang besar terhadap masyarakat di sana dari sudut akidah, politik, ekonomi, pendidikan, sosial, budaya, adat resam, bahasa, komunikasi,

¹⁵ Al-Qushayrī, Al-Risālah al-Qushayriyyah, ms. 24.

¹⁶ Sulaiman Ibrahim, Al-Ṭuruq al-Ṣūfiyyah Fī Mālīziyā, ms. 105.

¹⁷ Sulaiman Ibrahim. Al-Ṭuruq al-Ṣūfiyyah Fī Mālīziyā. ms. 105.

¹⁸ Abdul Kadir Riyadi, Arkeologi Tasawuf (Bandung: Mizan Media Utama, 2016) ms. 351.

undang-undang, adab, akhlak, sistem kekeluargaan, sistem masyarakat dan lain-lain. Perubahan besar ini tidak berlaku dalam sekelip mata dan tentunya melibatkan usaha berterusan serta penuh kesungguhan.

Golongan pendakwah sufi dianggap sebagai salah satu pendorong utama yang memperkuat gerakan dakwah di Nusantara. Merekalah yang bergerak ke setiap pelosok Nusantara termasuk Aceh, Pattani, Filipina, Melaka, Kedah, Terengganu dan Kepulauan Jawa. Mereka berusaha keras menyampaikan dakwah serta memberikan penerangan tentang kebaikan ajaran dan agama Islam kepada penduduk Kepulauan Melayu. Para pendakwah yang berjaya mengubah senario dan lanskap agama serta kepercayaan masyarakat Melayu inilah yang dikenali sebagai golongan sufi, tasawuf, tarekat, atau wali.¹⁹

Justeru, datangnya Islam ke Alam Melayu juga telah mempromosikan amalan tasawuf secara meluas melalui peranan gerakan tokoh-tokoh ulama sufi yang memainkan peranan penting dalam menyebarkannya. Jika diperhatikan, jelas terlihat bahawa ramai tokoh atau pendakwah yang datang ke rantau ini merupakan pengikut tasawuf dan tarekat. Antara tokoh-tokoh tersebut termasuklah Syeikh Ismail, Syeikh 'Abd al-Aziz, Syeikh 'Abd Allah 'Arif, Syeikh Burhan al-Din, Wali Songo, Syeikh 'Abd Allah al-Yamani, Syeikh 'Abd Allah al-Qumairi, Syarif Awliya' Karim al-Makhdum, Syeikh Safiy al-Din al-'Abbasi, Syeikh Sa'id Barsisa dan Syeikh Gombak 'Abd al-Mubin. Kedatangan tokoh-tokoh ini ke rantau Melayu turut membawa pelbagai aliran tarekat yang terkenal seperti Tarekat Qadiriyyah, Tarekat Alawiyyah, Tarekat Naqsyabandiyyah, Tarekat Syattariyyah dan lain-lain.²⁰

¹⁹ Mohd Faizal Harun, *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia* (Sintok: Kedah, UUM Press, 2015) ms. 69.

²⁰ Rosni binti Wazir, *Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh Dan Karyanya*, *Jurnal Pengajian Islam* 9(2) 2016: 182 - 183.

Perkembangan tasawuf dalam masyarakat Alam Melayu dapat dilihat dalam dua peringkat iaitu:

1) Zaman awal Islam dan era penjajahan

Pada zaman ini, para pendakwah sufi yang datang dari Tanah Arab, benua India, dan Tanah Besar China mensasarkan raja atau pembesar negara sebagai strategi utama dalam penyebaran Islam. Ketika Islam mula diterima oleh golongan atasan, pengajian agama Islam menjadi semakin aktif dan serius berbanding sebelumnya. Masyarakat awam juga mula menunjukkan minat untuk mempelajari agama Islam. Tempat-tempat pengajian kecil seperti madrasah, ribat dan zawiyah mulai dinaik taraf menjadi lebih kondusif dan formal sehingga akhirnya melahirkan sistem pengajian pondok yang terus berkembang sehingga kini.

Terdapat dua madrasah yang dikenali sebagai pusat penting dalam penyebaran ilmu pengetahuan Islam khususnya ilmu tasawuf di sekitar Alam Melayu iaitu Madrasah Pulau Upeh dan Pulau Besar di Melaka. Kedua-dua madrasah ini memainkan peranan penting dalam mengembangkan ajaran Islam di rantau ini.²¹

Secara umumnya, terdapat dua peringkat generasi ahli tasawuf di Nusantara. Generasi pertama terdiri daripada tokoh-tokoh yang menghasilkan karya sufi secara menyeluruh. Tokoh-tokoh ini termasuk Syeikh Hamzah Fansuri, Syeikh Syamsuddin al-Sumaterani, Syeikh Abd al-Rauf bin 'Ali Fansuri, Syeikh Burhanuddin Ulakkan, Syeikh Yusuf Tajul Khalwati Makasar dan Syeikh Yusuf di Bentan. Generasi kedua pula terdiri daripada tokoh-tokoh yang menghasilkan karya berimbang antara aspek tasawuf dan syariat, dikenali sebagai ulama "Periode Kedua Penulisan Kitab Jawi." Antara tokoh generasi kedua ini adalah

²¹ Mohd Faizal Harun, *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia* (Sintok: Kedah, UUM Press, 2015) ms. 75.

Syeikh Abd al-Samad al-Palimbani, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Ismail al-Khalidi al-Minkabawi, Syeikh Abd al-Samad Tok Pulai Chondong al-Kelantani dan Syeikh Ahmad Khatib al-Sambasi.²² Tokoh-tokoh sufi tempatan ini berperanan penting dalam menyemarakkan pengajian Islam dan tasawuf secara khusus di rantau ini.

2) Selepas kemerdekaan Tanah Melayu

Selepas penjajahan imperialis di Alam Melayu, fahaman sekular dan idea Barat mula meresap ke dalam cara hidup orang Melayu. Fahaman-fahaman ini mengurangkan minat masyarakat terhadap pengajian Islam dan mendorong mereka mengamalkan cara hidup yang lebih moden. Ajaran tasawuf, yang menekankan aspek seperti *'uzlah*, *khalwah* dan *zuhd*, perlahan-lahan ditinggalkan dan semakin tersisih daripada masyarakat.

Pada tempoh ini, keadaan menjadi semakin mencabar dengan kemunculan aliran baru yang dikenali sebagai Kaum Muda. Kebanyakan pengikut aliran ini merupakan lulusan dari Madinah dan Mesir yang mempertikaikan ajaran tasawuf dan menganggapnya sebagai sesuatu yang tidak berasal dari Rasulullah SAW. Mereka menuduh bahawa golongan sufi hanya mementingkan amalan individu semata-mata, tidak melibatkan diri dengan kehidupan masyarakat, tidak peduli akan keadaan setempat serta urusan politik dan kenegaraan. Sebenarnya, tidak semua golongan sufi bersikap sedemikian malahan ramai yang aktif menentang penjajahan sebelum kemerdekaan dan terlibat dalam politik seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy.

Walaupun perkembangan tasawuf pada waktu ini tidaklah sepesat sebelumnya, namun ia tetap wujud dan masih diminati

²² Hawash Abdullah (t.t), Perkembangan Ilmu Tasawuf & Tokoh-Tokohnya di Nusantara, Penerbit al-Ikhlâs : Surabaya, Indonesia, ms. 85.

oleh sebahagian penduduk tempatan terutama di Kelantan, Kedah, Pattani, Negeri Sembilan, dan Terengganu.²³

Justeru, antara cabaran yang dihadapi oleh pengajian tasawuf pada zaman kini boleh dirumuskan seperti berikut:

- a) Terdapat segelintir individu yang tidak memahami ilmu tasawuf dan tarekat, namun mereka menggelarkan diri sebagai ahli sufi. Mereka mendakwa mampu membawa umat mengenali Allah SWT dan membersihkan diri akan tetapi sebenarnya mengarahkan orang ramai ke jalan yang sesat dan menyeleweng.
- b) Pengaruh sekularisme yang dibawa oleh penjajah telah menjauhkan masyarakat dari agama dan menyebabkan mereka hidup berlandaskan ajaran Barat yang mengutamakan dunia dan mengabaikan akhirat.
- c) Kaum Muda memberikan tentangan yang kuat terhadap pengajian tasawuf dan tarekat. Mereka beranggapan bahawa ajaran tasawuf sebagai bid'ah dan bertentangan dengan amalan Nabi Muhammad SAW.
- d) Kekurangan pengetahuan agama dalam kalangan masyarakat awam yang hanya memahami agama di peringkat asas menyebabkan mereka mudah menganggap tasawuf sebagai ajaran yang salah dan menyimpang dari Islam yang sebenar.²⁴

Sebagaimana terdapat berpuluh-puluh mazhab fiqh dalam Islam seperti empat mazhab terbesar yang paling terkenal iaitu mazhab Syafi'i, mazhab Hanafi, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali, begitulah juga perkembangan Tarekat Sufi yang mempunyai

²³ Mohd Faizal Harun, Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia, ms. 84.

²⁴ Mohd Faizal Harun, Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia, ms. 86-90.

berpuluh-puluh aliran. Melihat kepada metode dan sistem latihan untuk kesihatan jasmani, terdapat beratus-ratus kaedah namun tujuannya hanyalah satu iaitu untuk mencapai kesihatan tubuh badan. Demikian juga, puluhan jenis tarekat tersebut adalah cara, peraturan dan jalan untuk melatih akhlak, nafsu dan roh bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT.²⁵

Dalam sebuah risalah bertajuk *Al-Tasawuf al-Islami* yang diterbitkan oleh Persatuan Tarekat-Tarekat Sufi di Mesir baru-baru ini, telah dinyatakan bahawa terdapat lebih daripada 60 jenis tarekat yang masih aktif dan dapat dipelajari sehingga ke hari ini dengan adanya para *masyayikh* yang meneruskan pengajaran tersebut di institusi tarekat masing-masing. Antara pusat pengajian yang terbesar dalam bidang tasawuf atau tarekat ialah: Tarekat al-Syazili, al-Naqsyabandi, al-Ahmadi, al-Hashimi, al-Qadiri, al-Rifaie, al-Maulawi, al-Chisty, al-Sammani, al-Hamidi, al-Hamudi, al-Sai'di, al-Syihawi, al-Bakri, al-Buktasyi, al-Jauhari, al-Zahidi, al-Damardasyi, al-Ambabi, al-Muslihi, al-Syarnawi, dan al-Arusi serta yang lain-lain lagi.

3. Amalan Tasawuf di Selangor

Selangor sebagai salah satu negeri yang pesat membangun di Malaysia turut menerima pengaruh tasawuf melalui perkembangan Islam di Nusantara dan ia diamalkan dalam bentuk yang lebih sederhana. Ilmu tasawuf dijadikan sebagai sebahagian daripada silibus pengajian turath di Selangor. Penetapan ini termasuk dalam usaha untuk menerapkan ilmu tasawuf melalui kitab muktabar seperti Kitab Penawar Bagi Hati, Hidayat al-Salihin, Ayyuha al-Walad dan Minhaj al-'Abidin. Ini kerana, ilmu tasawuf adalah ilmu yang paling banyak membicarakan penyucian hati dan kesempurnaan akhlak.

²⁵ Dr. Burhanuddin al-Hilmy. Simposium Tasawwuf dan Tariqat. (Malaysia: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Cetakan Kedua, 2006), ms. 9-10.

Pengajian turath tidak lagi terhad kepada institusi pondok sahaja akan tetapi sudah mula diperkenalkan di sekolah-sekolah aliran agama di bawah kelolaan kerajaan. Usaha ini merupakan rentetan daripada sumbangan institusi pondok yang besar terhadap masyarakat Islam iaitu mencegah masalah buta huruf dan melahirkan para alim ulama.

Dalam usaha melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia, guru pengajian turath amat mengutamakan nilai ikhlas dan adab dalam kehidupan seharian. Sifat tersebut kemudiannya ditekankan dan ditanam dalam diri para pelajar melalui pelbagai kaedah seperti pengajaran ilmu tasawuf sebagai salah satu silibus pengajian, pengamalan pembacaan *Syamil Muhammadiyyah* di dalam majlis-majlis ilmu untuk memperkuat kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW serta mendalami sunnah dan akhlak Baginda SAW dalam kehidupan seharian, mendidik jiwa kerohanian para pelajar melalui aktiviti *tazkiyat al-nafs* (penyucian jiwa) dengan penerapan zikir-zikir pagi dan petang seperti al-Ma'thurat dan lain-lain lagi.

Hal ini terkait juga dengan keperibadian guru pengajian turath itu sendiri iaitu bersifat ikhlas, kompeten, disiplin dalam waktu mengajar, bertanggungjawab tinggi, istiqamah, jujur dan bersungguh-sungguh, bekerja keras, sabar, kreatif dan pelbagai sifat *mahmudah* yang lain. Kesemua usaha ini adalah bertujuan untuk membentuk sahsiah pelajar dengan kemahuan dan keinginannya sendiri. Di sini dapat dilihat bahawa pendekatan yang diamalkan guru berkait dengan psikologi dan jiwa.²⁶

Dari sudut yang lain, hubungan di antara pihak pemerintah dan golongan ulama yang mengamalkan tasawuf juga telah lama subur di negeri Selangor. Hubungan baik di antara Sultan Sir 'Alaeddin Suleiman Shah dan Syaikhul Islam Selangor Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman al-Fathani adalah contoh yang sentiasa segar dalam lipatan sejarah. Baginda Sultan juga merupakan seorang ulama yang

²⁶ Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin, Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar di Pondok, Jurnal Al-Hikmah 13(1) 2021: 43-71.

telah mengarang beberapa judul buku antaranya adalah buku bertajuk *Pohon Agama Bahagian Rukun Iman* diselesaikan catatan pada tahun 1991 yang merangkumi pengajaran akidah Sifat 20 yang merupakan asas penting bagi pengajian akidah umat Islam. Selain itu, *Kitab Melatih Kanak-Kanak Laki-Laki Perempuan* merupakan sebuah kitab untuk dipelajari oleh kanak-kanak yang baru belajar di sekolah agama. Begitu juga buku *Nasihat (Pemeliharaan Guru) Melatih Kelakuan Adab Kanak-Kanak Pelajaran Di Dalam Sekolah Melayu Agama*²⁷ yang menyentuh berkaitan kepentingan adab bagi melatih kelakuan kanak-kanak supaya terbiasa dengan akhlak yang baik sejak kecil.

Di antara nasihat penuh hikmah yang disampaikan oleh Sultan Sir 'Alaeddin Suleiman Shah di dalam *Kitab Melatih Kanak-Kanak Laki-Laki Perempuan* adalah:

Tuntutlah ilmu akherat dunia,
Hidup matimu dapat bahagia.
Ke mana pun pergi jadi mulia,
Tidaklah hidup sia-sia.²⁸

Para ulama di negeri Selangor sangat memberi penekanan terhadap ilmu tasawuf kepada umat Islam di Selangor, sehingga mendorong mereka mengarang buku-buku dalam bidang tersebut. Sebagai contoh, Mufti Pertama kerajaan Negeri Selangor, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Yusuf bin Sahabuddin telah mengarang sebuah buku yang berjudul *Kifayah al- Salik Wa Bulghat al- Abid al-Nasik* untuk memberi kefahaman yang betul kepada umat Islam berkaitan akhlak dan adab.

²⁷ Jabatan Peradaban & Pemikiran Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Tokoh -Tokoh Ulama Selangor, (Malaysia: Percetakan Dikwang, Cetakan Pertama, 2011)

²⁸ *ibid*

4. Kesan Ilmu Tasawuf Terhadap Peribadi Muslim dan Perjuangan Tokoh Kemerdekaan

Ilmu tasawuf boleh mendidik pengamalnya untuk mencapai darjat ihsan yang tinggi sebagaimana yang telah disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: Ihsan itu adalah apabila kamu beribadah kepada Allah SWT seolah-olah kamu dapat melihatNya. Jika kamu tidak dapat melihatNya, maka ketahuilah Dia melihat kamu.

(Riwayat Muslim)²⁹

Namun, disebabkan keruntuhan adab khususnya dalam kalangan anak muda berpunca daripada kelompongan dalam pendidikan ilmu akhlak dalam diri mereka, perkara tersebut telah menyumbang kepada pelbagai masalah sosial lain dalam kalangan masyarakat seperti kejadian vandalisme, melawan ibu bapa dan guru serta pergaduhan sehingga ke tahap bunuh-membunuh. Masalah-masalah ini sering timbul di dada akhbar dan media sosial yang menunjukkan bahawa kerosakan moral yang teruk memerlukan kepada penyelesaian melalui pendidikan ilmu tasawuf.

Ilmu tasawuf mengajar muridnya terus bergaul dengan masyarakat dalam keadaan menjaga tingkah laku dan hatinya agar terus ingat kepada Allah SWT. Antara kandungan ilmu tasawuf yang memberi kesan terhadap kehidupan masyarakat adalah:

a. Ilmu Tasawuf Mendidik Akhlak yang Mulia

²⁹ Muslim bin al-Hajjāj. Ṣaḥīḥ Muslim. No.hadis:1.

Ilmu ini menekankan kepentingan memelihara diri daripada sifat-sifat *mazmumah* seperti *riya'*, *'ujub*, *takabbur*, *sum'ah* dan sebagainya. Islam sebagai cara hidup yang sempurna tidak berbicara mengenai hukum-hakam ibadah semata-mata akan tetapi turut menuntut penganutnya beramal dengan akhlak yang mulia sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Allah SWT sendiri memuji Baginda Nabi SAW melalui Firman-Nya dalam surah Al-Qalam ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

Tambahan lagi, agama ini diturunkan dengan membawa rahmat kepada sekalian alam yang dinikmati oleh semua makhluk daripada manusia, jin, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan alam keseluruhannya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Anbiya' ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

b. Menanam Budaya Sabar dan Toleransi

Dalam tasawuf, sifat sabar dan reda sangat dititikberatkan. Orang yang mempelajari ilmu ini akan dididik sifat sabar melalui latihan-latihan tertentu dengan penerapan ilmu tauhid yang kuat, penyucian hati berbentuk zikir dan lain-lain. Sesungguhnya, sifat sabar merupakan perkara yang amat dititikberatkan oleh Nabi SAW. Daripada Abu Hurairah RA:

أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْصِنِي قَالَ: لَا تَغْضَبَ فَرَدَّدَ مِرَارًا.
قَالَ: لَا تَغْضَبَ

Maksudnya: Seorang lelaki datang bertanya kepada Nabi SAW: Nasihatkan kepadaku. Sabda Nabi SAW: Janganlah engkau marah. Baginda SAW mengulangnya beberapa kali: Janganlah engkau marah.

(Riwayat al-Bukhari)³⁰

Hal ini membentuk masyarakat yang lebih bersikap toleransi, menghindari konflik dan berusaha menyelesaikan perselisihan dengan penuh hikmah. Sikap sabar ini juga mendorong masyarakat untuk menangani kesukaran hidup dengan tenang dan tidak mudah terpengaruh dengan emosi negatif.

c. Ilmu Tasawuf Mendidik Semangat Cintakan Tanah Air

Imam al-Qushashi menyatakan bahawa ahli sufi yang sebenarnya bukanlah orang yang mengasingkan diri daripada masyarakat akan tetapi mereka adalah orang yang bergaul dan melaksanakan *amar makruf nahi munkar* dalam masyarakat serta memandu mereka kepada penghayatan Islam yang sebenar.³¹

Malah, telah terbukti dalam sejarah umat Islam bahawa para ulama yang memimpin *Islah* dan pembaharuan dalam kalangan masyarakat adalah daripada tokoh yang kuat bertasawuf. Sebagai contoh, Syeikh Abd Samad al-Falimbani, pengarang kepada kitab tasawuf yang terkenal di Tanah Melayu iaitu Sayr al-Salikin merupakan seorang tokoh ulama yang mempertahankan tanah air daripada penjajah. Beliau juga seorang tokoh yang menanam semangat jihad dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu

³⁰ Al-Bukhārī. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. 6116

³¹ Ahmad al-Qushashi, *al-Simt al-Majid Fi Salasil Ahl al-Tawhid* (Haiderabad: Da'irat al-Ma'arif al-Zizamiyyah, 1909), ms. 119-120.

antaranya melalui penulisan beliau yang bertajuk *Nasihat al-Muslimin wa Tazkirat al-Mukminin fi Fada'il al-Jihad wa Karamat al-Mujahidin fi Sabil Allah* (Nasihat dan Peringatan Kepada Orang Islam Berkaitan Kelebihan Berjihad dan Karamah Para Mujahid di Jalan Allah SWT) yang menerangkan konsep Jihad dan Islam.³²

Selain itu, tokoh tanah air iaitu Syeikh Abdullah Fahim merupakan seorang alim yang istiqamah mempertahankan pendirian Ahli Sunnah Waljamaah. Beliau juga merupakan seorang ulama yang tegas mempertahankan agama melalui ilmu dari sudut akidah, fiqh mahupun tasawuf. Bahkan beliau juga dengan tegas menolak fahaman yang memecahbelahkan serta menjauhkan masyarakat daripada tradisi ulama yang muktabar.³³ Beliau pernah mewasiatkan di dalam petikan Majalah Pengasuh “Supaya jangan berpecah belah oleh bangsa Melayu sendiri”. Menurut beliau lagi, “Orang Islam perlu memperbaiki perselisihan sesama mereka dan setelah berdamai, perpaduan itu diharapkan dapat berkekalan. Inilah satu-satunya senjata yang boleh menguatkan kedudukan orang Islam dan orang Melayu”.³⁴

5. Kesimpulan

Tasawuf adalah sebuah pengamalan individu Muslim dalam penyucian jiwa dan hati membentuk insan yang berakhlak mulia sehingga mencapai reda Allah SWT. Tasawuf merupakan salah satu fardu ain yang dituntut kepada umat Islam untuk beramal dengannya selepas tauhid dan fiqh. Bahkan pengamalan tauhid, fiqh dan tasawuf perlu seiring untuk membentuk jati diri mukmin yang sebenar. Pensyariatan tasawuf telah jelas diterangkan daripada nas-nas syarak sama ada al-

³² Mohamad Zainuddin bin Mohameddan Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham. “*Pemikiran Intellektual Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani*” (Universiti Malaysia Pahang, International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), (7)(1) 2022) 44-48. doi: <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v7i1.7648>

³³ Akademi Jawi Malaysia, Shaykh ‘Abdullah Fahim: Ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dan Perjuangan Kebangsaan, (2020), ms. 83; wasiat ms. 88.

³⁴ Pengasuh, Bil. 428, Disember 1977, ms. 28-29.

Quran mahupun sunnah Nabi SAW dan tujuan perlaksanaan ilmu tasawuf itu adalah tidak lain dan tidak bukan adalah hanya ingin mencapai reda Allah SWT. Sejarah menunjukkan bahawa golongan pendakwah sufi adalah mereka yang menjalankan gerak kerja dakwah di alam Melayu dan di Selangor khususnya. Justeru, perkara ini secara tidak langsung telah mempromosikan amalan tasawuf secara meluas melalui peranan gerakan tokoh-tokoh ulama sufi. Pengamalan tasawuf dapat memberikan pelbagai kesan yang positif dalam kehidupan individu Muslim terutama dalam menghadapi zaman kini yang penuh dengan cabaran-cabaran tertentu.

Rujukan

- Abdul Kadir Riyadi, Arkeologi Tasawuf (Bandung: Mizan Media Utama, 2016).
- Abu al-Wafā al-Ghanamī. Madkhal Ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī. (Mesir: Dār al-Thaqāfah, t.t.).
- Ahmad al-Qushashi, al-Simt al-Majid Fi Salasil Ahl al-Tawhid (Haiderabad: Da'irat al-Ma`arif al-Zizamiyyah, 1909).
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. (Mesir: Sulṭāniyyah, 1893).
- Al-Jīlānī, 'Abdul Qādir bin Mūsā. Al-Ghanī Liṭālibī Ṭarīq al-Ḥaq 'Azza Wajalla. (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997).
- Al-Qushayrī, 'Abdul Karīm Abū al-Qāsim. Al-Risālah al-Qushayriyyah. (Mesir: Dār al-Shu'ab, 1989).
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Isā. Sunan al-Tirmidhī. (Mesir: Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975).
- Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses daripada: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=tasawuf>.
- Dr. Burhanuddin al-Hilmy. Simposium Tasawwuf dan Tariqat. (Malaysia: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Cetakan Kedua).
- Hawash Abdullah (t.t), Perkembangan Ilmu Tasawuf & Tokoh-Tokohnya di Nusantara, Penerbit al-Ikhlās : Surabaya, Indonesia.
- Jabatan Peradaban & Pemikiran Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Tokoh - Tokoh Ulama Selangor, (Malaysia: Percetakan Dikwang, Cetakan Pertama, 2011)
- Mohamad Zainuddin bin Mohameddan Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham. "Pemikiran Intellektual Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani" (Universiti Malaysia Pahang, International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), (7)(1) 2022) 44-48. doi: <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v7i1.7648>.
- Mohd Faizal Harun, Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia (Sintok: Kedah, UUM Press, 2015).
- Muslim bin al-Ḥajjāj. Ṣaḥīḥ Muslim. (Mesir: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī, 1955).

Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan& Siti Mursyidah Mohd Zin,
 Peranan Guru Pengajian Turath Dalam Pembentukan Sahsiah
 Pelajar di Pondok, Jurnal Al- Hikmah 13(1) 2021.

Rosni binti Wazir, Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu,
 Tokoh-Tokoh Dan Karyanya, Jurnal Pengajian Islam 9(2) 2016.

Sulaiman Ibrahim. Al-Ṭuruq al-Şūfiyyah Fī Mālīziyā. (Malaysia: Jabatan
 Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, 2002).

Akademi Jawi Malaysia, Shaykh ‘Abdullah Fahim: Ulama Ahl al-Sunnah
 wa al-Jamaah dan Perjuangan Kebangsaan, (2020).

Pengasuh, Bil. 428, Disember 1977.